

KEMPEN “PB ENGAGE NOW TO WIN!”

TERMA DAN SYARAT

1. **Kempen**

- 1.1 Kempen promosi “PB engage Now to Win!” oleh Public Bank Berhad (6463-H) (“**Kempen**”) ini akan berlangsung dari 1 November 2019 hingga 31 Januari 2020, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).

2. **Kriteria Kelayakan dan yang Melayakkan**

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan Perbankan Peribadi PB (“Pelanggan”) Public Bank Berhad dan Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”) baharu dan sedia ada. Kakitangan Kumpulan Public Bank tidak layak untuk mengambil bahagian.

- 2.2 Untuk mengambil bahagian, Pelanggan perlu membuat urus niaga yang berikut menggunakan aplikasi baharu perbankan mudah alih Public Bank, PB engage MY:

- i. Daftar Quick Balance, DuitNow QR atau DuitNow ID semasa Tempoh Kempen; dan
- ii. Laksanakan urus niaga Interbank, GIRO, Pindahan Segera, DuitNow atau Pembayaran Bil dengan amaun minimum sebanyak RM50 semasa Tempoh Kempen.

Setiap pendaftaran akan menghasilkan lima (5) penyertaan manakala setiap urus niaga pindahan dana atau pembayaran bil akan menghasilkan satu (1) penyertaan dalam Tempoh Kempen.

- 2.3 Setiap urus niaga Pembayaran yang terbahagi kepada dua atau beberapa bahagian tidak akan dikira sebagai satu penyertaan bagi tujuan kempen ini. Contohnya, Pelanggan tidak dibenarkan untuk membahagikan satu bil berjumlah RM150 kepada tiga urus niaga yang berasingan sebanyak RM50.
- 2.4 Seramai dua ratus lima puluh (250) pelanggan akan dipilih sebagai pemenang hadiah tunai setiap bulan manakala lima (5) pelanggan akan dipilih sebagai pemenang hadiah utama setiap bulan.

2.5 Untuk memenangi hadiah utama setiap bulan, Pelanggan mesti mendaftar dengan Quick Balance, DuitNow QR atau DuitNow ID pada masa pengkreditan.

2.6 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan:-

- i. bersetuju bahawa Terma dan Syarat sedia ada yang mengawal pendaftaran dan penggunaan PBe dan PB engage akan terus diterima pakai;
- ii. bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini dan bahawa keputusan PBB ini adalah muktamad; dan
- iii. bersetuju untuk mengakses laman web PBB melalui www.pbebank.com pada sela waktu biasa untuk membaca Terma dan Syarat Tambahan ini dan memastikan beliau sentiasa mengikuti apa-apa perubahan yang berlaku.

3. Tempoh Kempen

3.1 Tempoh Kempen berlangsung selama tiga (3) bulan mulai 1 November 2019 hingga 31 Januari 2020 seperti yang berikut:

Bulan Kempen	Tarikh
Bulan Kempen Pertama	1 November 2019 – 30 November 2019 23:59:59
Bulan Kempen ke-2	1 Disember 2019 – 31 Disember 2019, 23:59:59
Bulan Kempen ke-3	1 Januari 2020 – 31 Januari 2020, 23:59:59

4. Hadiah Kempen

4.1 Hadiah Tunai setiap bulan sebanyak RM50 akan diberi kepada 250 orang pemenang sepanjang berlangsungnya kempen selama tiga (3) bulan itu.

4.2 Hadiah Utama setiap bulan akan diberi kepada 5 orang pemenang sepanjang berlangsungnya kempen selama tiga (3) bulan itu.

Bulan Kempen	Hadiah Utama Setiap Bulan
Bulan Kempen Pertama	Samsung S10 (8GB + 128 G) x 5 unit
Bulan Kempen ke-2	Samsung Note 10 (8GB + 256 G) x 5 unit
Bulan Kempen ke-3	IPhone XS 64GB x 5 unit

4.3 Hadiah tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh dirundingi.

- 4.4 PBB boleh menukar atau menggantikan hadiah di atas yang ditawarkan dalam Kempen ini dengan barang lain yang sama atau kurang nilainya.

5. Mekanisme Kempen

5.1 Hadiah Tunai Setiap Bulan:

- i. Dengan penyertaan terkumpul pada akhir setiap Bulan Kempen, PBB akan memilih 250 orang pemenang berdasarkan kriteria yang ditentukan terlebih dahulu iaitu jumlah bilangan penyertaan yang layak dibahagikan dengan 250. Misalnya, sekiranya terdapat 220,000 penyertaan bagi Bulan Kempen yang berkenaan, jumlah penyertaan akan dibahagikan dengan 250 dan pemenang yang disenarai pendek adalah peserta yang layak yang ke-880 misalnya ke-880, ke-1,760, ke-2,640 dan seterusnya.
- ii. Pemenang hadiah tunai setiap bulan layak untuk hadiah utama setiap bulan.
- iii. Pemenang hadiah tunai setiap bulan tidak layak untuk tunai setiap bulan dan hadiah utama untuk bulan Kempen berikutnya.

5.2 Hadiah Utama Setiap bulan:

- i. Dengan penyertaan terkumpul pada akhir setiap Bulan Kempen, PBB akan memilih 5 orang pemenang berdasarkan kriteria yang ditentukan terlebih dahulu iaitu jumlah bilangan penyertaan yang layak dibahagikan dengan 5. Misalnya, sekiranya terdapat 220,000 penyertaan bagi Bulan Kempen yang berkenaan, jumlah penyertaan akan dibahagikan dengan 5 dan pemenang yang disenarai pendek adalah peserta yang layak yang ke-44,000 misalnya ke-44,000, ke-88,000, ke-132,000 dan seterusnya.
- ii. Pemenang hadiah utama setiap bulan tidak layak untuk hadiah tunai dan hadiah utama setiap bulan.
- iii. Sekiranya dua orang pemenang hadiah utama adalah orang yang sama, pemenang simpanan yang berikutnya akan memenangi hadiah utama.

- 5.3 Setiap peserta yang layak hanya layak untuk memenangi satu (1) hadiah utama setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen.

- 5.4 Pemilihan terakhir pemenang adalah atas budi bicara PBB. Keputusan PBB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad.
- 5.5 Nama pemenang yang sah akan disiarkan dalam laman web Bank.
- 5.6 Pemegang yang terpilih akan dihubungi dan dimaklumkan melalui telefon dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas berakhirnya setiap Bulan Kempen.
- 5.7 Hadiah tunai setiap bulan akan dikreditkan dalam akaun pemenang dalam tempoh 60 hari selepas berakhirnya setiap Bulan Kempen.
- 5.8 Hadiah utama setiap bulan akan dihantar kepada pemenang dalam tempoh 60 hari selepas berakhirnya setiap Bulan Kempen.
- 5.9 Pengkreditan Hadiah Tunai tertakluk pada akses kepada Perbankan Internet PBe pemenang dan akaun semasa/simpanan pemenang yang aktif dan masih ada pada masa pengkreditan.
- 5.10 PBB berhak untuk memohon bukti identiti atau mengesahkan syarat kelayakan dan penyertaan yang berpotensi menang.

6. Hak PBB

- 6.1 PBB boleh meminda, memotong dan/atau membuat penambahan kepada mana-mana Terma dan Syarat Tambahan ini dari semasa ke semasa dengan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari dalam laman web PBB atau menerusi kaedah komunikasi lain yang diluluskan dan pindaan, potongan atau penambahan sedemikian akan berkuat kuasa pada tarikh sebagaimana yang akan ditetapkan oleh PBB. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan pindaan, pemotongan atau tambahan Terma dan Syarat seperti yang dinyatakan di atas.

Untuk membaca Notis Kerahsiaan PBB mengenai bagaimana PBB menggunakan maklumat anda atau sekiranya anda ingin menerima berita mengenai produk dan perkhidmatan PBB termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran PBB, sila layari www.pebank.com atau kunjungi mana-mana cawangan PBB.